

ISTANA UNTOK DYMM DI-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah Istana yang sederhana besarnya sedang dibena di-Kuala Lumpur, ibu kota Persekutuan Tanah Melayu, untok dijadikan istana persinggahan Duli Yang Maha Mulia bila2 baginda melawat ka-Persekutuan kelak.

Istana itu di-jadualkan siap pada 23 July dan akan di-buka dengan rasmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri empat hari kemudian.

Untok menjalankan istiadat pembukaan Istana itu baginda akan berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 22 July.

Majlis pembukaan yang akan di-adakan itu akan di-hadiri oleh pembesar2 Persekutuan Tanah Melayu dan ahli2 diplomatik di-ibu kota Persekutuan.

Satu pengumuman Kerajaan berkata istana itu di-bena dengan perbelanjaan Kerajaan dan akan di-namakan "Rumah Awang Alak Betatar".

Nama itu ia-lah kerana mengambil sempena dari Sultan Brunei yang pertama memeluk agama Islam dalam pertengahan kurun yang ke-14.

Pengumuman itu sa-terus-nya berkata :

"Istana itu akan juga di-jadikan tempat tinggal Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, dua orang putera Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

"Pengiran2 Muda itu sekarang menuntut di-sabua sekolah di-Kuala Lumpur.

"Duli Yang Maha Mulia akan bersemayam di-Istana itu bila2 baginda berangkat ka-Persekutuan pada masa yang akan datang.

Rombongan 20 pulis ka-Malaya

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang anggota baharu pulis akan berangkat ka-Kuala Lumpur untok berlatih di-Pusat Latihan Pulis pada penghujung bulan hadapan.

Kursus itu akan di-mulai pada awal bulan September.

Dengan ini sa-jumlah 60 orang pulis pelatoh di-hantar ka-Kuala Lumpur untok berlatih pada tahun ini.

"Rumah Awang Alak Betatar" terletak di-Freeman Garden, Ampang Road, dan memakan belanja lebih dari \$1,000,000 apabila siap kelak.

"Anggaran itu termasuk harga kerusi meja, perkakas2 perhiasan dan sa-buah pusat lestrik kecil yang di-dirikan di-kawasan istana tersebut."

LAWATAN MENTERI KEWANGAN



Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu, Tuan Tan Siew Sin, yang telah melawat ka-Brunei pada 11 hingga 15 July ini telah di-sambut di-lapangan terbang Berakas oleh Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar dan pegawai2 kanan Kerajaan Brunei.

Rombongan Tuan Tan mengandungi isteri-nya dan Timbalan Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan, Inche Mohamed Jamil bin Abdul Rais.

Tuan Tan dan rombongan-nya telah juga melawat ka-padang minyak Seria pada hari Rabu dan sa-lepas itu singgah di-ibu pejabat Pulis di-Panaga, Seria untok bertemu dengan ahli2 pasukan Pulis Diraja Persekutuan yang berkhidmat di-Brunei.

RA'AYAT BRUNEI BERDUKA ATAS KEMANGKATAN SULTAN KELANTAN

BANDAR BRUNEI. — Hari Sabtu lepas telah di-umumkan sa-bagai hari kelepasan am kerana mengingati Almerhum Sultan Kelantan, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim yang telah mangkat di-Kota Bharu, Kelantan, pada petang 9 July.

Almerhum itu telah di-puterakan dalam tahun 1897 dan telah naik takhta kerajaan Kelantan dalam tahun 1944.

Almerhum itu ia-lah sa-orang ahli Darjat Kerabat Diraja Brunei ia-itu satu kebesaran yang telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia pada masa di-adakan istiadat menyambut hari keputeraan baginda yang ke-42 dalam bulan September 1958.

Bintang itu telah di-sampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia sendiri kepada Almerhum itu di-Kota Bharu tatkala baginda melawat ka-Malaya dalam tahun lepas.

Sa-bagai balasan Almerhum itu telah mengurniakan pula kepada Duli Yang Maha Mulia bintang kebesaran Darjat Kerabat Diraja Kelantan kepada Duli Yang Maha Mulia.

Pelayaran kapal dari Hongkong ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah kapal baharu untok penumpang2 antara Brunei dengan Hongkong ada-lah di-jadualkan memulakan perkhidmatan-nya dalam bulan August hadapan ini.

Kapal yang akan berulang akek antara pelabuhan Bandar Brunei dengan Hongkong itu akan juga membawa barang2 dagangan.

Pengurus sharikat perkapalan China Shipping Corporation di-Hongkong berkata kapal itu bernama "Shenso Maru" dan telah di-bena di-Jepun dalam tahun lepas.

Berat kapal itu hampir 2,000 tan.

Australia beli kayu dari Brunei

KUALA BELAIT. — Sa-ratus tan balak jenis seringawan telah dimuatkan ka-dalam kapal untok di-kirinkan ka-Australia dari sini dalam minggu lepas bagi kali pertama-nya.

Balak itu di-kirinkan oleh sharikat Baram River Timber Company, sa-buah sharikat kayu yang di-daftarkan di-negeri ini.

Pengiriman itu di-uruskan sa-bagai perhubungan dengan persetujuan Pejabat Kehutanan Brunei dan mungkin di-teruskan sa-kiranya pembeli2-nya di-Australia dapati kayu itu saperti yang di-maksudkan.

Jenis kayu yang banyak di-kirinkan dari Brunei ka-Australia dalam masa yang sudah ia-lah jenis "tolong". Perniagaan tolong itu telah berjalan semenjak beberapa tahun dahulu.

Pengiriman balak itu menem-poh kerumitan kerana negeri ini tidak mempunyai pelabuhan yang dalam ayer-nya.

KEMASOKAN MURID2 BAHARU AKAN BERGANDA

BANDAR BRUNEI. — Kira2 400 orang murid laki2 dan perempuan akan di-beri peluang belajar di-sekolah2 Inggeris Kerajaan pada tahun hadapan.

Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche Idris bin Babji, berkata bahawa murid2 itu akan di-ambil dari sekolah2 Melayu dan China.

Angka itu ada-lah lebih banyak lagi dari tahun lepas. Dalam tahun itu hanya kira2 250 orang sahaja murid2 dapat belajar di-sekolah2 Inggeris Kerajaan di-Bandar Brunei dan di-Seria.

Satu pepereksaan khas akan di-adakan untuk memasoki sekolah2 Inggeris pada penghujung tahun ini.

Mereka akan di-pereksa dalam bahasa Melayu, ilmu hisab, pengetahuan 'am dan soalan dengan kechergasan berfikir.

Sharat2 yang di-kehendaki ialah mereka mesti telah tamat dar-

jah empat di-sekolah2 Melayu dan China.

Bagaimana pun, murid2 yang belajar di-darjah2 lima dan enam akan di-benarkan juga memasoki pepereksaan itu, akan tetapi umur mereka tidak-lah boleh lebih dari 13 tahun pada 1 January, 1961.

Oleh kerana bilangan murid2 yang akan belajar di-sekolah2 Inggeris Kerajaan pada tahun2 hadapan akan bertambah ramai Kerajaan harus akan mengadakan beberapa buah lagi bilek2 darjah tambahan di-sekolah2 tersebut.

Sekolah2 Inggeris Kerajaan

Brunei ia-lah Sultan Omar Ali Saifuddin College, Bandar Brunei; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei dan Anthony Abell College, Seria.

Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri ia-lah untuk murid2 perempuan sahaja.

Jurulatih sukan dari Amerika

SERIA — Sa-orang guru dalam jurusan latehan badan, Professor Charles Dailey di-jangka akan tiba di-Brunei pada 28 July ini dari Kuching untuk melawat sa-lama sa-minggu.

Tuan Dailey datang dari Oregon State College, Amerika Sharikat.

Lawatan itu di-anjorkan oleh Perkhidmatan Pertukaran Pelajaran Internasional, Pejabat Negara Amerika Sharikat. Sa-lama berada di-negeri ini Tuan Dailey akan memberi sharahan dan keterangan kepada pertubuhan2 sukan, sekolah2 dan persatuan2.

Beliau juga akan bersedia memberi latehan dalam berbagai2 permainan.

LATEHAN PEGAWAI2 PEJABAT CHAP JARI

BANDAR BRUNEI. —

Beberapa orang anggota pulis tempatan akan berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk berlatah dalam berbagai2 lapangan pulis sedikit hari lagi.

Corporal Mohamed Rakawi bin Captain Mohamed dan Corporal Martin Bunga akan berangkat ka-Kuala Lumpur pada 25 July ini untuk menghadiri kursus latehan chap jari.

Sa-telah balek ka-Brunei mereka akan berkhidmat dalam Jabatan Chap Jari, Pasokan Pulis Brunei.

Sergeant Mohamed bin Momin dan Corporal Abdul Rahman bin Haji Ibrahim akan berlepas ka-Malaya pada 22 August hadapan untuk menghadiri kursus latehan pulis special branch di-Kuala Lumpur.

Dua orang anggota pulis, Sergeant Musa bin Hitam dan Corporal Jaya bin Abdullah telah berangkat ka-Malaya pada 1 July untuk menghadiri kursus latehan pulis special branch di-sana.

KEJAYAAN PENUNTUT2 BRUNEI DALAM SUKAN MAKTAB MALAYA



BANDAR BRUNEI. — Penuntut2 Brunei di-Maktab Perguruan Kota Bharu (Kelantan), telah membuat tiga rekod baharu dan mendapat beberapa hadiah pertama, kedua dan ketiga dalam sukan tahunan maktab itu yang di-adakan pada 30 June lepas...

Sa-puchok surat daripada Awangku Mustapha bin Pengiran Metasan, ketua penuntut2 Brunei, menyatakan bahawa Awangku Ibrahim telah mendapat hadiah pertama dalam pertandingan lompat bergalah, tinggi 9 kaki 9 inchi (rekod baharu)...

Awangku Ibrahim telah juga mendapat hadiah kedua lompat tinggi, lompat kijang dan lari 200 metre...

Awangku Mustapha, johan sukan Kelantan AAA tahun 1959, telah membuat rekod baharu lempar piring dengan humbanan sa-jauh 91 kaki 8 inchi...

Dalam lompat jauh, Awangku Mustapha telah jatuh nombor dua sa-jauh 20 kaki 3/4 inchi dan nombor tiga dalam lompat bergalah dan lari 100 metre...

Awangku Yunus telah mendapat hadiah kedua melempar piring dan ketiga melempar peluru besi.

Hadiah kedua telah dimenangi oleh Hamzah Uting dalam pertandingan melempar peluru besi.

Semua-nya 10 orang penuntut Brunei telah mengambil bahagian dalam sukan tahunan tersebut; tiga daripada mereka ia-lah penuntut2 wanita...

Nafsiah telah mendapat hadiah pertama melempar lembing (rekod maktab dan Kelantan AAA) dan kedua lari 100 metre dan 200 metre. Zainun binti A. Latif telah mendapat hadiah kedua lompat jauh.

Dalam gambar duduk dari kiri: Aishah, Nafsiah, Awangku Ibrahim, Awangku Mustapha, Awangku Yunus, Hamzah Uting dan Zainun binti A. Latiff.

Berdiri dari kiri: Abu Bakar, Omar Hidup dan Mohamed Haji Jaruddin.

Malam ugama antara achara sambutan hari ibu bapa

SENGKURONG. — Sekolah Melayu Sengkurong telah mengadakan sambutan hari ibu bapa sa-lama empat hari mulai dari 7 July yang lalu.

Sa-lain dari mengadakan pertunjukan senaman oleh murid2 sekolah pada dua malam berturut2 dengan menggunakan ugan, segala achara sambutan sekolah itu ada-lah sama seperti pada tahun2 yang lalu.

Pertunjukan barang2 perbuatan murid2 sekolah dan orang2 kampong telah di-adakan pada hari yang kedua.

Achara itu telah di-buka dengan resmi-nya oleh Pegawai Pelajaran Negara, Yang Berhormat Inche Idris bin Babji.

Sa-lepas menyaksikan pertunjukan barang2 tersebut, Pegawai

Pelajaran Negara telah menyampaikan hadiah2 kepada orang2 yang berjaya dalam temasha pertunjukan itu serta juga kepada murid2 yang berjaya dalam ha. ehwal pelajaran dan sa-bagainya.

Malam Ugama yang telah berlangsung pada hari yang pertama telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan kaum muslimin bukan sahaja dari kawasan Sengkurong, bahkan dari Bandar Brunei, Berakas, Tutong dan dari lain2 kawasan.

Di-apara achara pada malam itu ia-lah peraduan membachakan koran terbuka kepada orang ramai.



Beberapa buah bangunan2 flat untuk perumahan pekerja2 Kerajaan sedang dibina di-Kuala Belait. Bangunan2 itu di-jadualkan siap tidak lama lagi.

Penternak perlu mengetahui segala kesulitan

BANDAR BRUNEI. — Pelita Brunei keluaran 22 June lepas telah memuatkan renchana pertama berkenaan dengan perusahaan menternak ayam. Renchana itu di-susun oleh Pegawai Haiwan Brunei, Tuan A.K. Sundram.

Untuk di-jadikan panduan oleh penduduk2 negeri ini yang memelihara atau berchadang hendak menternak ayam Tuan Sundram menyambong renchana-nya :

Jenis2 ayam.

Ayam yang berbagai2 jenis itu berlainan pula kebolehan-nya tentang mengeluarkan telur, daging, besar dan berat badan-nya. Pada am-nya jenis2 ayam itu di-bahagikan ka pada kumpulan2 mengikut maksud ia di-pelihara dan di-gunakan.

Pada kasar-nya jenis2 itu adalah seperti berikut :

Ayam yang mengeluarkan telur.

Ayam mengeluarkan telur dan daging ia-itu jenis ayam yang berbagai2 guna-nya.

Ayam untuk makanan.

Ayam pertunjukan, dan

Ayam kachokan yang tidak di-kira baka-nya.

1. Jenis ayam yang mengeluarkan telur.

Jenis ini biasa-nya kechil tetapi sangat chergas dan mudah terperanjat tabiat-nya. Ia lekas besar ia-itu dalam masa 6-6½ bulan. Telor yang dikeluarkan-nya putih warna kerabang-nya. Ayam jenis ini tidak mahu lagi mengeram dan yang demikian tidak boleh di-jadikan ibu untuk menetaskan telur.

Oleh sebab ia sangat chergas ayam jenis ini tidak boleh di-rapikan memberi daging yang banyak. Ayam dari jenis ini besar balong dan pial-nya. Telinga-nya berwarna putih kemerahan dan kaki-nya kuning atau kelabu tua warna-nya.

Ayam2 yang di-bawah ini termasuk dalam jenis ayam yang mengeluarkan telur :

*White Leghorn,
Brown Leghorn,
Black Minorca,
Andalasian,
Comber,
Legbar, dan
Welbar.*

2. Jenis2 ayam yang mengeluarkan telur dan di-jadikan makanan.

Ayam2 dalam kumpulan ini sederhana besar-nya dan mempunyai sifat2 seperti berikut :

Bulu-nya tebal dan berat badan-nya dari 5 hingga 8 paun sa-ekor.

Ayam dalam jenis ini berguna untuk mengeluarkan telur dan juga untuk di-jadikan makanan. Ayam jenis ini kadang2 banyak mengeluarkan telur dan kerabang

telor-nya biasa-nya rintek2 keme-
rahan.

Ayam2 ini mahu mengeram tetapi setengah2-nya tidak mahu lagi menetaskan telur.

Balong dan pial ayam ini kechil telinga-nya berwarna merah, kaki-nya boleh jadi kuning atau putih warna-nya.

Ayam2 yang berikut boleh di-masokkan dalam jenis ayam yang mengeluarkan telur dan di-jadikan makanan.

*Austrolops,
Orpington,
Plymouth Rock,
Rhode Island Red,
New Hampshire Red, dan
Light Sussex.*

3. Ayam untuk di-jadikan makanan.

Ayam dalam kumpulan ini besar badan-nya tetapi lambat besar-nya. Gerak geri-nya boyak, sifat-nya pendiam dan jinak kelakuan-nya. Ayam2 ini tidak banyak mengeluarkan telur tetapi sangat baik untuk di-jadikan makanan. Ibu-nya juga pandai memelihara anak.

Ayam2 dalam jenis ini ada-lah seperti berikut :

*Brahma,
Cochin,
Indian game,
Dorking, dan
Maram.*

4. Ayam perhiasan atau ayam pertunjukan.

Ayam2 ini di-pelihara kerana kesukaan sa-saorang sama ada kerana bulu-nya chantek atau kerana rupa-nya yang luar biasa seperti ayam (a) Bantam dan (b) Silkie.

5. Ayam sebarang jenis. Memilih jenis ayam.

Antara ayam dari sa-barang jenis ini ia-lah ayam kampung yang sa-benar-nya ia-lah (a) ayam hutan yang telah menjadi jinak dan (b) ayam China yang besar sedikit badan-nya itu. Kaki-nya pendek dan lazim-nya berwarna kuning.

Memelihara ayam.

Hendak-lah di-ingat bahawa tiap2 jenis itu mempunyai kelebihan dan kekurangan-nya yang tertentu tetapi yang mustahak sekali ia-lah baka bagi sa-suatu jenis itu.

Ayam jenis Leghorn ia-lah yang baik sa-kali untuk mengeluarkan telur dan oleh sebab

badan-nya kechil berkehendakkan sedikit sahaja makanan dan makanan yang diberi itu pula kebanyakan-nya menjadi telur.

Ayam jenis Rhode Island Red dan Austrolops ada-lah besar sedikit dan berkehendakkan makanan yang lebeh pula kerana badan-nya lebeh besar. Yang demikian ayam jenis ini boleh jadi tidak berapa memberi keuntungan di-negeri2 seperti Brunei kerana makanan-nya terpaksa di-bawa masuk dari negeri lain.

Ayam jenis New Hampshire Red itu kechil sedikit dari Rhode Island Red dan Austrolops dan yang demikian boleh di-pelihara dengan memberi keuntungan di-Brunei.

Bagi sa-saorang yang hanya hendak memelihara ayam dan tidak ada masa kelapangan untuk menjaga ayam itu, orang itu sa-baik2-nya memilih ayam jenis kampung atau ayam China yang pandai menchari makan dengan mengais sendiri. Ayam2 ini juga boleh hidup begitu sahaja dan dengan makanan yang sedikit boleh pula mengeluarkan telur.

Jenis2 yang di-pilih itu hendak-lah sesuai dengan keadaan tempat dan resmi orang yang memelihara-nya. Tetapi walau apa pun jenis yang di-pelihara hendak-lah sa-saorang itu memelihara jenis itu sahaja dan mengetahui segala kesulitan tentang jenis itu.

(Bersambong)

BUROH MATI TERGANTONG DI-RUMAH

SERIA. — Sa-orang pekerja sharikat minyak Brunei Shell, Jambari bin Rasipan telah di-dapati mati tergantung di-rumah-nya di-sini pada pagi Ahad lepas.

Isteri si-mati itu, Rahmah binti Drahman, berkata bahawa kali yang akhir sa-kali ia melihat suami-nya hidup ia-lah di-dalam bilek rumah mereka di-Lorong 6 Berat pada pukul 5 petang hari Sabtu.

Apabila ia bangun tidur pada pukul 6 pagi Ahad itu di-dapatinya suami-nya tidak ada lagi dalam bilek.

Tidak berapa lama kemudian ia pun masuk ka-dalam sa-buah bilek lain. Dalam bilek itu di-dapatinya suami-nya tergantung dari suatu paku yang di-gunakan untuk menggantung buaian.

Ia di-katakan telah dua kali terselamat dari mant dalam tahun lepas.

Dalam kemalangan pertama kapal Penelope yang membawa pekerja2 Shell ka-pentas laut itu telah di-pukul ombak besar dan antara tiga orang yang terhumban sa-orang telah mati lemas.

Sa-lepas itu tujuh orang telah mati akibat kemalangan sa-buah helicopter.

Jambari yang di-jadualkan menumpang helicopter itu untuk bekerja di-pentas laut tidak di-kehendaki menumpang helicopter tersebut pada hari itu.

PEGAWAI PERKEMBANGAN NEGARA DI-DATANGKAN DARI MALAYA


BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pegawai perkhidmatan awam Persekutuan Tanah Melayu, Inche Sa'ad bin Marsuki telah sampai di-Brunei pada minggu lepas untuk berkhidmat sa-bagai Setiausaha Perkembangan Negara.

Beliau akan menggantikan Tuan I.W. Glass, sa-orang pegawai dalam perkhidmatan awam Sarawak.

Inche Sa'ad telah lulus pengajian ilmu undang2 di-Cambridge

University dan telah memegang berbagai2 jawatan di-Persekutuan.

Jawatan-nya yang akhir ia-lah sa-bagai Pegawai Kemajuan dan Perusahaan Kampung di-Trengganu.



Kerja membina kolam ayer baharu di-Tasek untuk memberi bekalan ayer kepada penduduk2 Bandar Brunei telah di-jalankan beberapa bulan. Ranchangan itu akan memakan belanja hampir \$5 juta.

HARI BANCHI BRUNEI DI-TETAPKAN PADA 10 AUGUST

Pada 10 August 1960 yang akan datang ini ia-lah Hari Banchi di-Negeri Brunei dan ini-lah pekerjaan banchi yang penghabisan dalam ranchangan membanchi penduduk2 negeri ini. Pekerjaan ini akan di-mulai dari pagi2 hari apabila pegawai2 banchi mulai melawat tiap2 rumah di-negeri ini.

Mereka itu bukan sahaja melawat rumah2 tetapi juga mana2 tempat yang di-diami oleh orang di-negeri ini. Dalam lawatan itu segala soal mengenai banchi akan di-tanyakan kepada semua penduduk negeri.

Ini ia-lah kerja yang sangat perlu dalam bahagian banchi kerana penyata banchi itu akan di-asaskan daripada keterangan2 banchi yang akan di-jalankan mulai 10 August hadapan.

95 PEGAWAI BANCHI

Lebih kurang 95 orang pegawai banchi akan bekerja diseluruh Negeri Brunei menghitung penduduk2 dan kerja ini mesti-lah di-selesaikan dalam tempoh 14 hari. Oleh yang demikian tuan2 hendaklah bersedia kerana pada suatu hari diantara 10 August dengan 23 August rumah tuan akan dilawati oleh pegawai2 banchi.

Oleh sebab kerja membanchi atau menghitung penduduk2 itu akan memakan masa sa-lama 14 hari, ada kemungkinan orang2 akan berpindah dalam masa tersebut.

Jumlah penduduk2 negeri ini akan seliseh jika mereka itu di-hitong dua kali atau pun tidak di-hitong sama sa-kali.

Untuk menentukan supaya semua penduduk di-kira hanya sa-kali sahaja, Pejabat Banchi telah membuat peratoran supaya tiap2 orang itu di-banchi atau di-hitong sa-kali sahaja ia itu penduduk2 negeri ini akan di-hitong atau di-kira di-tempat mereka diam atau tidor pada malam 10 August.

MALAM YANG PENTING

Tolong-lah ambil ingatan tentang tarikh dan malam tersebut — 10 August.

Malam 10 August itu ia-lah malam yang penting sa-kali dalam kerja membanchi ini.

Semua keluarga ada-lah di-minta mengingati siapa2-kah yang tidor di-rumah mereka pada malam 10 August supaya udak sa-orang pun tertinggal apabila di-kira kelak oleh pegawai2 banchi yang akan datang melawat ka-rumah tuan2 dan bertanya berapa orang-kah ramai-nya yang diam atau tidor di-rumah tuan pada malam 10 August.

Ramai orang menyangka bahawa pegawai2 banchi akan melawat ka-rumah tuan2 pada malam hari. Sangkaan itu tidak

Hampir 100 orang pegawai telah di-tugaskan membanchi penduduk2 negeri ini dalam bulan August yang akan datang. Mereka itu akan melawat tiap2 rumah dan tempat2 orang tinggal pada suatu hari antara 10 dan 23 August kerana menghitung berapa ramai-kah bilangan penduduk2 Negeri Brunei.

Pegawai2 banchi itu akan juga bertanya beberapa soal. Soal2 itu hendaklah di-jawab dengan terang dan ringkas.

Kerja membanchi ia-lah satu perkara yang sangat mustahak dan perlu di-jalankan kerana dari keterangan2 dan angka2 yang di-dapati kelak dapat-lah kerajaan menimbangkan ranchangan2 kemajuan dan kebajikan yang keseluruhan-nya di-lancharkan untuk faedah ra'ayat negeri.

Pejabat Banchi Negeri Brunei di-ketuai oleh Inche Matnoor MacAfee.

Di-bawah ini ia-lah rayuan beliau kepada penduduk2 negeri yang telah di-uchapkan-nya melalui Radio Brunei baharu2 ini meminta penduduk2 negeri bekerja sama dan memberi pertolongan kepada pegawai2 banchi itu kelak.

betul sama sa-kali. Pegawai2 banchi itu chuma keluar pada siang hari. Mereka tidak melawat ka-rumah tuan2 pada malam hari.

Soal2 yang akan di-tanya itu semua senang belaka menjawab-nya dan di-harap tuan2 akan menolong pegawai2 banchi itu dengan memberi jawapan yang betul dan ringkas.

BERBAGAI2 SOAL

Perkara2 yang akan di-soal kepada tuan2 ia-lah siapa nama penoh tuan, laki2 atau perempuan, sudah kahwin atau belum, dan jika sudah bercherai, cherai hidup atau cherai mati, umur, tempat di-peranakan, bangsa, dan ugama.

Soal2 itu di-tanya kepada semua orang tetapi kepada perempuan2 yang sudah bersuami dua soal tambahan akan di-tanya ia-itu; pernah-kah ia melahirkan anak dan berapa orang anak-nya maseh hidup.

Soal pelajaran akan di-tanya kepada tiap2 orang baik laki2 atau perempuan yang sudah berumur 10 tahun dan lebih.

Soal2-nya ia-lah; pandai atau tidak menulis dan membaca Melayu, Inggeris dan bahasa2 lain, dan apa-kah darjah yang tinggi yang di-chapai-nya di-sekolah.

SEBAB2 DI-SOAL

Tiga soal bagi jawatan, pertukangan, perusahaan dan taraf pekerjaan akan di-tanya kepada orang2 yang berumur 15 tahun dan lebih. Pendek kata, soal2 yang di-terangkan di-atas ini ada-lah sa-rupa dengan soal2 yang telah di-tanya pada banchi tahun 1947 dahulu.

chi tahun 1947 dahulu.

Barangkali ada juga orang yang berfikir bahawa soal2 itu tidak payah di-tanya. Di-sini di-beri sedikit sebab2 maka soal2 itu mustahak di-tanya kerana jawapan2-nya akan memberi faedah kepada tuan2.

Yang mustahak sa-kali ia-lah Kerajaan perlu mendapat tahu perubahan bilangan penduduk2 negeri semenjak banchi yang lalu di-adakan berapa ramai orang laki2 dan berapa ramai-kah orang perempuan, dan begitu juga Kerajaan perlu mengetahui berapa ramai-kah orang sudah pernah kahwin, orang yang bercherai hidup dan yang bercherai mati.

TENTANG UMOR

Bertanyakan tentang umur pula, barangkali tuan2 berfikir tidak perlu tetapi jawapan2-nya sa-telah di-dapati angka-nya, di-pereksa dan di-bandingkan dengan penyata2 banchi yang sudah akan menunjukkan adakah umur sa-saorang itu berkurang atau bertambah.

Jika di-satu tempat atau bagi sa-suatu bangsa umur-nya di-dapati jauh kurang-nya dari yang biasa apabila di-pukul rata, kita akan mengetahui bahawa perkara itu disebabkan oleh penyakit atau kurang makanan dan kesehatan yang boleh diperbaiki nanti.

Dari soal bangsa juga kita akan dapat mengetahui bagaimana bangsa2 asing itu bertambah ramai atau menjadi kurang dari satu ka-satu masa.

Bagitu juga tentang soal ugama. Kita nanti akan mengetahui kemajuan sa-suatu ugama

itu. Bukan ini sahaja tetapi Kerajaan akan dapat tahu bagaimana kepercayaan orang2 yang tidak beragama itu mengikut pertukaran dan keadaan masa.

BERANAK DAN MATI

Tentang pertanyaan mengenai perempuan pula, jawapan2-nya nanti akan memberi kita satu taksiran berkenaan dengan beranak dan kematian kanak2 dan apabila di-bandingkan dengan angka2 yang sudah di-dapati terlebih dahulu dalam banchi tahun 1947, kita akan mengetahui sama ada keadaan bertambah baik atau semakin burok.

Jika di-dapati, mithal-nya, angka bagi kematian kanak2 itu tinggi, Pejabat Perubatan akan di-tanya dan akan menyiasat hal ini supaya boleh di-baiki.

Soal tentang kebolehan atau tidak-nya sa-saorang itu membaca dan menulis akan memberi tahu bagaimana chepat, dan maju-nya pelajaran di-negeri kita ini, dan juga dari jawapan2 yang lain kita boleh membuat ranchangan2 bagaimana sekolah2 baharu akan di-bena dan di-mana sekolah2 baharu itu patut di-dirikan dahulu.

AMBIL INGATAN

Berkenaan dengan soal pekerjaan dan perusahaan, Kerajaan akan dapat tahu bagaimana pertukaran resmi dan kebiasaan orang2 dalam tahun2 yang lepas.

Dengan ini Kerajaan boleh menaksirkan kemajuan atau kemundoran dalam tiap2 lapangan pekerjaan, dan dari sini dapat-lah Kerajaan memperbaiki ki tanggung jawab-nya dalam hal ini.

Pengiraan ka-atas penduduk yang akan di-jalankan dari 10 August hingga 23 August itu ia-lah kerja penghabisan dalam menjalankan kerja banchi.

Tuan2 ada-lah di-minta memberi kerjasama saperti yang telah tuan2 beri dalam banchi yang dahulu itu.

MAJU ATAU MUNDOR

Tolong-lah ambil ingatan berapa orang-kah yang tinggal dan tidor di-rumah tuan pada malam 10 August. Angka ini hendaklah di-nyatakan kepada pegawai2 banchi apabila mereka itu melawat ka-rumah tuan kelak.

Sila beri pertolongan sa-berapa yang boleh kepada pegawai2 banchi apabila mereka itu datang ka-rumah tuan.

Pertolongan yang tuan akan beri itu bermaana tuan memberi pertolongan untuk kebajikan Negeri Brunei pada masa hadapan.

Keputusan pertandingan bachaan Koran

BANDAR BRUNEI. — Peraduan membacha Al-Koran sa-Negeri Brunei dengan anjoran Persatuan Kesatuan Islam Brunei telah berlangsung di-mesjid besar Omar Ali Saifuddin di-sini pada 10 July lepas.

Peraduan ini telah berjalan pada tiap2 tahun sejak 12 tahun yang lalu sa-bagai suatu perkara yang sudah lazim di-buat oleh orang2 Islam di-Brunei.

Majlis itu sa-lain di-hadiri oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Pengiran Shahbandar dan Pegawai Ugama telah di-hadiri juga hampir sa-ribu orang para penuntun yang terdiri dari lelaki dan perempuan.

Chalun quari2 dan qariah2 mengambil bahagian dalam peraduan ini ia-lah johan2 dari daerah2 Brunei, Belait Seria, Temburong dan Muara.

Yang Berhormat Pengiran Md. Ali bin Pengiran Haji Md. Daud, Pegawai Ugama Brunei tatkala merasmikan peraduan tersebut telah berkata antara lain :

"Walau pun peraduan membacha Al-Koran ini tidak bagitu mendapat sambutan pada tahun2 yang lalu, tetapi dari sa-tahun ka-satahun telah mendapat sambutan yang meriah terutama peraduan pada hari ini".

"Pada tahun ini semua daerah dalam Negeri Brunei telah menghantar chalun. Ini, ada-lah menunjukkan bahawa peraduan ini mendapat sambutan yang meriah dengan tulus ikhlas dari penganut2 ugama Islam", tambah beliau lagi.

Keputusan peraduan membacha Al-Koran itu ada-lah :

Bahagian Orang Dewasa Lelaki : 1. Inche Sabtu bin Ahmad (Brunei); 2. Haji Alias bin Meralli (Seria) dan 3. Inche Morni bin Ghafar (Belait).

Bahagian Orang Perempuan Dewasa : 1. Che Salmah bt. Haji Mokti (Brunei); 2. Che Norliha bt. Md. Nor (Seria) dan 3. Dk.

Shahari bin A. Husain (Brunei); 2. Abu Bakar bin H. Paun (Seria) dan 3. Kasim bin A. Lammat (Muara).

Bahagian Kanak2 Perempuan : 1. Maszudah bt. Haji Abang Ali (Seria); 2. Saliha bt. Mazadi (Belait) dan 3. Dg. Timbang bt. A. Besar (Brunei).

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Zbaidah bt. P. Metsan (Belait).
Bahagian Kanak2 Lelaki : 1.

Pegawai Pulis Persekutuan mengetuai Pulis Belait

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pegawai pulis yang kanan di-Persekutuan Tanah Melayu telah di-pilih untuk berkhidmat di-Brunei sa-bagai Pegawai Penguasa Pulis Daerah Belait.

Beliau ia-lah Inche Abdul Majid bin Haji Ismail yang berpangkat Timbalan Superintendent dalam Pasokan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau di-jangka tiba di-Brunei pada 24 August.

Inche Abdul Majid di-lahirkan di-Kajang, Selangor pada 1 July, 1913. Beliau telah mendapat latehan di-Maktab Latihan Pulis, Ryton-on-Dunsmore, Warwickshire, England.

Beliau ia-lah juga juru iring kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau telah menjawab beberapa jawatan dalam pasokan pulis, di-antara-nya ia-lah sa-bagai Pegawai Kebajikan Masharakat dalam Pasokan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu.

Pesuroh Jaya Pulis, Brunei Tuan A.N. Outram berkata bahawa jawatan Penguasa Pulis Daerah Belait pada masa ini di-pangku oleh Tuan Stephen Liew.

Apabila Inche Abdul Majid sampai nanti, Tuan Stephen Liew



Inche Abdul Majid

akan di-tukarkan ka Bandar Brunei.

Beliau akan menjadi Pemangku Ketua Special Branch di-Ibu Pejabat Pulis sa-hingga ketua jabatan itu Tuan David St. John Forrer balek dari chuti pada bulan January tahun hadapan.

AHLI MAJLIS MESHUARAT NEGERI BERI PUJIAN KAPADA MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Dewan Perwakilan Persekutuan Tanah Melayu telah dipuji sa-bagai sa-buah dewan yang benar2 mengamalkan demokrasi oleh sa-buah negara yang baharu sahaja merdeka di-Tenggara Asia.

Pujian itu telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Inche Mohamed Jamil bin Umar, sa-bagai ketua rombongan ahli2 Majlis Meshuarat Negeri yang telah menjadi pemerhati dalam persidangan dewan itu dalam bulan lepas.

Inche Jamil berkata bahawa perbahathan antara parti2 pembangkang dan parti kerajaan kadang2 menjadi hangat, tetapi mereka itu berbinchang dalam suasana saling mengerti.

Rombongan tersebut telah balek ka-Brunei pada 3 July lepas setelah dua minggu di-Persekutuan.

Inche Md. Jamil berkata, "Hasil tinjauan kami sa-lama sa-minggu di-dewan itu nyata-lah bahawa Persekutuan mengamalkan faham demokrasi yang sa-benar2nya dan Dewan Perwakilan itu boleh-lah di-anggap sa-bagai tem-

PAMERAN BARANG2 PERAK BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Barang2 perak, kain tenun, tikan dan lain2 barang daripada pandan dan mengkuang telah di-hantar dari sini ka-Kuala Lumpur pada 18 June untuk di-jual dan di-pamerkan di-pertunjukan Perkebunan dan Pertanian (MAHA) pada hujung bulan ini.

Barang itu di-taksirkan berharga hampir \$12,000 dan telah dibuat oleh tukang2 Melayu Brunei.

Dalam pertunjukan MAHA tahun ini Brunei telah di-utokkan tiga buah gerai.

Berlepas bersama barang2 itu dengan kapal ia-lah tiga orang penjual dan penjaga gerai. Mereka itu ia-lah Inche Ibrahim bin Lamit, Inche Awang Daud dan Inche Abdul Aziz bin Ahmad.

Dua orang lagi, ia-itu Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit, Pegawai Pertanian Negara dan Yang di-muliakan Pehin Maharaja Diraja Awang Abdul Rahman akan turut menjadi penjual barang2 tersebut di-pertunjukan itu.

Mereka itu di-jadualkan berlepas ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada 25 July.



Sa-lama berada di-Brunei dalam lawatan-nya sa-chara tidak rasmi atas jemputan Duli Yang Maha Mulia, Menteri Kewangan Persekutuan Tanah Melayu, Tuan Tan Siew Sin, telah sempat melawat mesjid Omar Ali Saifuddin. Beliau telah di-iring oleh Pengetua Pegawai Jabatan Ugama Brunei, Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohd. Daud.

pat asas demokrasi berkembang di-Persekutuan.

Inche Md. Jamil menyatakan puas hati-nya atas layanan2 yang di-terima rombongan Brunei selama di-Persekutuan Tanah Melayu itu terutama dari para menteri Persekutuan.

Perubahaan mengenai kenderaan

BANDAR BRUNEI. — Tuan2 punya kenderaan ada-lah diminta menyatakan kapada Pegawai Pendaftar Kenderaan Darat dalam masa 14 hari sa-barang perubahan mengenai pendaftaran kereta atau trailer mereka.

Kenyataan itu di-kehendaki mengikut undang2 kenderaan darat.

700 PENUNTUN MALAM ANEKA WARNA

BANDAR BRUNEI. — Lebih 700 orang termasuk pembesar2 negeri telah menuntun malam aneka warna anjoran Persekutuan Murid Tua (MUTU) Brunei yang telah berlangsung di-dewan Civic Centre di-sini pada malam 2 July lepas.

Tujuan mengadakan malam aneka warna itu ia-lah kerana mengutip derma untuk menolong penuntut2 Brunei di-luar tanah ayer saperti Mesir, England dan Australia.

Yang Berhormat P.M. Yusuf, sa-laku penaong malam aneka warna tersebut telah berkata antara lain bahawa anjoran yang demikian ini ada-lah membuat suatu sejarah yang patut di-beri pujian kerana kesedaran dan keinsafan kepada saudara2-nya yang sedang menuntut di-luar tanah ayer.

"Dengan ada-nya malam yang bersejarah ini akan mendorong tiap2 orang ka-jalan amal kebajikan dan saling bantu membantu dalam segala2-nya", ujar beliau.

Inche' Yusuf Embee, sa-laku pengerusi malam aneka warna itu berkata bahawa dengan usaha dan dayautama dari pemuda2 yang sedang mekar Malam Aneka Warna ini telah mendapat kejayaan.

"Sesuai dengan kata sakti "budaya nilai bangsa" dan "bahasa jiwa bangsa" maka malam inilah menjadi ukuran tinggi rendah-nya seni dan budaya bangsa kita," tegas beliau.

"Kalau Malaya membanggakan lagu Seri Mersing-nya, kita juga boleh membanggakan lagu Adai-adai", Inche' Yusuf menambah.

Malam Aneka Warna itu telah di-penohkan dengan achara2 nyanyian oleh bintang2 radio, murid2 sekolah, penyanyi2 tempatan; tarian2 yang berchorak kebudayaan timor; tablo dan bacaan sajak.

Tablo itu menggambarkan Kesah Sultan Mahmud Mangkat Di-Julang dan Keris Pusaka yang masing2 di-lakukan oleh penuntut2 Maktab Perguruan Melayu dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Brunei.

Tablo Sultan Mahmud Mangkat Di-Julang ada-lah menggambarkan kembali bagaimana

sa-orang raja 400 tahun dahulu telah gamak membunuh sa-orang perempuan yang sedang mengandung kerana perempuan itu telah makan sa-ulas buah nangka kepunyaan raja itu.

Tablo Keris Pusaka memberi gambaran tentang tanggung jawab sa-saorang kepada tanah ayer dan bangsa-nya.

Tablo Keris Pusaka memberi ibarat dengan tiga benda: sa-bilah keris yang berkarat, tanah yang kering kumpang dan ayer yang keroh.

Ketiga2 benda ini ada-lah ibarat sa-bagai faktor2 tanah ayer kita yang maseh berkehendakkan banyak tenaga pendorong dari para2 cherdek pandai untuk menggembeling kemajuan2 tahun demi tahun.

Keris yang berkarat mengibaratkan bahawa bangsa Melayu yang punya negeri ini maseh terbiar dan jauh tertinggal ka-belakang dalam pelajaran dan kemajuan segala2-nya.

Tanah yang kering kumpang mengibaratkan bahawa tanah ayer

kita maseh berkehendakkan siraman ayer dari anak2-nya untuk pertanian yang meluas untuk makanan anak2 negeri dengan tiada mengharapkan bantuan dari negeri2 luar.



BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan penari, biduan dan biduanita dari India telah sampai di-Brunei dalam minggu ini untuk mempersembahkan tarian dan nyanyian asli India.

Rombongan itu akan memperdengarkan suara dan mempertunjukkan tarian mereka di-dewan Civic Centre pada 21 dan 22 July.

Sa-lepas itu mereka itu akan berangkat ka-Seria untuk bermain di-sana.

PEMILEHAN BAKAT2 PENYANYI INGGERIS

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan akhir untuk menentukan johan antara bakat2 penyanyi dalam bahasa Inggeris di-negeri ini akan di-langsungkan di-dewan Civic Centre di-sini pada 13 August hadapan.

Pertandingan itu di-adakan di-bawah anjoran Radio Brunei, bahagian Inggeris.

Chalon 2 dari Bandar Brunei ia-lah Domingo Miranda dan Mr. Deen. Mereka itu telah di-pilih dalam satu pertandingan yang di-adakan di-Bandar Brunei baharu2 ini.

Pertandingan akhir bagi bahagian Belait/Seria diduga akan di-adakan di-Shell Recreation Club, Seria pada 6 August.

Dalam pertandingan kerana memilih johan bagi seluruh negeri itu empat peraduan akan di-jalankan iaitu; vocal solo, vocal combination, instrumental solo dan instrumental combination.

KELAS DEWASA WANITA DAPAT SAMBUTAN

BANDAR BRUNEI. — Kelas Dewasa Bahagian Wanita telah di-buka pada 3 July lepas di-Sekolah Raja Isteri Fatimah di-sini.

Kelas dewasa ini ada-lah langkakah membenteras "buta huruf" yang di-anjorkan oleh Kerajaan sesuai dengan kehendak perlembagaan yang merasmikan bahasa Melayu.

Sa-lain membenteras "buta huruf", kelas dewasa ini juga akan mengadakan mata pelajaran lain sa-telah mereka yang belajar itu mahir dan boleh menulis dan membaca.

Menurut guru yang mengajar kelas tersebut bahawa sudah ada sa-ramai 42 orang wanita 2 dewasa sedang belajar dan di-bahagian pada dua darjah pada masa ini.

Che' Zaitunah binte Abd. Khan, guru Kelas Dewasa Bahagian Wanita itu menyeru kepada seluruh wanita2 supaya memasoki kelas tersebut dan tidak melepaskan peluang yang sangat2 berharga ini.

Kelas Dewasa Bahagian Wanita ini ada-lah di-adakan pada tiap2 hari Ahad, Ithnin dan Rabu dari pukul 4.00 hingga 5.00 petang.

Tidak ada apa2 bayaran di-kehendaki untuk memasoki kelas2 dewasa tersebut.



Satu babak yang menarik perhatian dalam Malam Aneka Warna anjoran MUTU ia-lah "Menghidangkan Cake Siswa," yang akhir-nya telah di-miliki oleh Yang Berhormat Inche' Ali bin Hassan, Peguam Negara, Brunei dengan harga \$213.00.

Gambar atas menunjukkan Yang Berhormat Inche' Ali menerima Cake Derma Siswa itu dari Puan Rohani Musip yang membuat cake tersebut. Cake itu telah di-hadiahkan balek oleh Inche' Ali kepada jawatankuasa untuk di-lelong sa-mula.

Gambar (bawah): Para peserta malam aneka warna bergambar ramai.

Murid Melayu bakat johan lumba 1 batu

SERIA. — Rekod lari 1 batu bagi negeri ini telah di-pecahkan oleh Senin Matali dengan masa 4 minit 48.6 saat dalam sukan tahunan Brunei AAA yang ke-7 yang di-adakan di-sini baharus2 ini.

Rekod itu ia-lah 15 saat lebih pantas dari rekod lama yang di-larikan oleh Joseph China, sa-orang penuntut SOAS College, Bandar Brunei.

Dalam perlumbaan tahunan itu Joseph Chin telah tinggal jauh di-belakang.

Satu perlumbaan yang menarek perhatian ia-lah lompat pagar



Senin Matali

440 ela. Dalam perlumbaan ini K.C. Mathews telah menang dengan masa 58 sa'at ia-itu 1.8 sa'at lebih deras dari rekod-nya yang lama.

Dalam lumba lari 400 ela pula Mathews telah juga berjaya dengan masa 53 sa'at.

Antara beberapa perlawanan yang di-jalankan, kekalahan A. Sibidol dalam perlawanan mepar piring telah mengejutkan para penuntut.

Sibidol yang telah menjadi johan lempar piring beberapa rapa tahun itu telah di-tewaskan oleh Wong Yit Fah yang telah melemparkan piring itu sa-jauh 119 kaki 10 inchi ia-itu mengatasi rekod Sibidol yang sa-jauh 118 kaki 6 inchi.

Tetapi Sibidol telah berjaya memenangi perlawanan melempar lembing dengan mengalahkan Othman bin Wahab, sa-orang anggota Pulis Persekutuan yang di-duga memenangi perlawanan itu.

Sibidol telah juga memenangi perlawanan melempar peluru besi.

Dalam perlawanan2 antara pe-

serta2 perempuan pula lari 100 ela telah menarek perhatian apabila Rose Chong mengalahkan Lucy Ho dengan jarak yang sangat pendek. Masa Rose Chong ia-lah 12.6 sa'at ia-itu satu sa'at lebih dari rekod.

Pada keseluruhan-nya Clare Sibidol, anak perempuan A. Sibidol telah menunjukkan kehandalan yang istimewa.

Clare telah di-hadiahkan piala perak untuk peserta perempuan yang handal sa-kali.

Forelanders berjaya

SERIA. — Pasokan Forelanders dari Bandar Brunei telah mengalahkan pasokan champoran Shell Recreation Club dan Panaga dalam perlawanan akhir kerana merebutkan piala perak McKerron.

Perlawanan itu di-adakan di-padan SRC pada petang Ahad.

PASOKAN2 DARI BRUNEI MENANG SEMUA PERLAWANAN DI-LABUAN

ABUAN. — Pasokan2 hokey, ping pong dan basket ball dari Brunei telah mengalahkan Labuan dalam semua perlawanan itu di-sini pada 10 July.

Pertandingan itu di-adakan sa-chara persahabatan atas jemputan Labuan Recreation Club.

Pasokan hokey Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei telah mengalahkan Labuan Sports Association dengan 2 gol berbalas 1.

Gol yang membawa kemenangan kapada Brunei di-jaringan kira2 10 minit sa-belum tamat pertandingan itu.

Dalam pertandingan ping pong, Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China, Bandar Brunei telah mengalahkan Labuan Recreation Club dengan 4 perlawanan berbalas 3.

Brunei telah menang 3 perlawanan sa-saorang dan 1 perlawanan dua orang. Labuan menang 1 perlawanan sa-saorang dan dua orang. Labuan menang 1 perla-

wanan sa-saorang dan dua perlawanan dua orang.

Dalam pertandingan basket ball pula, Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China, Bandar Brunei telah mengalahkan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China, Labuan dengan 51 mata berbalas 37 mata.

Brunei telah mendapat 34 mata dan Labuan 19 mata pada masa berehat.

Pasokan2 hokey, ping pong dan basket ball dari Labuan harus akan datang ka-Brunei pada bulan August hadapan untuk bertanding dengan pasokan2 yang melawan Labuan dalam pertandingan2 tersebut.



Pemain2 basket ball Persatuan Bekas Penuntut2 China, Bandar Brunei dan Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah China Labuan bergambar ramai sa-belum di-langsungkan pertandingan di-Labuan baharu2 ini.

Pasokan dari Brunei itu telah mengalahkan Labuan dengan 51 mata berbalas 37 mata. Pemain2 Brunei memakai baju berwarna hitam, dan Labuan baju putih.

KEDUDOKAN PASOKAN2 HOKEY

BANDAR BRUNEI. — Hingga ka-hari Ithnin lepas Brunei Sports Club telah mendapat mata yang tinggi sa-kali dalam perlawanan hokey Bandar Brunei bahagian pertama.

Dalam bahagian kedua Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei telah mendapat mata yang tinggi sa-kali.

Brunei Sports Club telah bermain 9 kali dan Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei delapan kali.

Lain2 pasokan bahagian kedua yang mengambil bahagian telah mendapat saperti berikut : —

SOAS College 10, Jabatan Pelajaran 7, PWD 6, Pulis O.

Pasokan2 dalam bahagian kedua mendapat mata saperti berikut : —

Maktab Latehan Guru2 Melayu Brunei12, SOAS College 9, Civic Centre 8, Jabatan Pelajaran 7, Pejabat Sukat 0.

PENUBOHAN PERSATUAN HOKEY

BANDAR BRUNEI. — Penubohan sa-buah badan untuk menguruskan permainan hokey sedang di-ranchangkan di-sini. Apabila di-daftarkan kelak pertubuhan itu akan di-namakan Brunei State Hockey Association.

Dalam satu meshuarat yang di-adakan di-sini baharu2 ini wakil2 telah datang dari Bandar Brunei, Kuala Belait dan Seria.

Meshuarat itu telah memben-tok suatu jawatan kuasa sementara saperti berikut :

Tuan J.J. Hillen, Yang di-Pertua, Tuan A.N. Outram, Naib Yang di-Pertua, Inche A. Latiff, Naib Yang di-Pertua, Tuan B. Inder Singh, Setiausaha dan Tuan Jeevaratnam, Penolong Setiausaha.

Malay Club tewaskan Trade School

SERIA. — Pasokan hokey Malay Club telah menang 3 gol tidak berbalas dalam perlawanan dengan Trade School kerana kejohanan pasokan hokey league Daerah Belait.

Waktu permainan di-mulakan kedua pehak kelihatan bermain dengan semangat. Hantaran2 bola nampak-nya sama baik-nya dan perebutan bola telah berjalan dengan ranchak.

Gol2 yang di-dapati oleh Malay Club itu telah di-sumbatkan oleh O.A. Rahman (1) dan Ibrahim Ghani (2).

Pada keseluruhan-nya permainan Malay Club ada-lah lebih baik dari Trade School.

Pengadil2 pertandingan ia-lah Tuan2 R.G. Clarke dan J. Nazareth.

PERLAWANAN HOKEY HARI KEPUTERAAN

BANDAR BRUNEI. —

Dua perlawanan hokey kerana menyambut hari ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia akan di-adakan di-antara pasokan2 hokey Bandar Brunei dan Seria/Belait.

Pasokan yang menang da-adakan di-Seria pada 27 August dan di-Bandar Brunei pada 24 September.

Pasokan yang menang dalam kedua perlawanan itu akan di-beri hadiah piala perak sambutan ulang tahun hari keputeraan yang telah di-tawarkan oleh jawatankuasa sambutan hari keputeraan.

Perlawanan sa-chara ini akan di-adakan tiap2 tahun kelak.

Malaya bentok jawatan kuasa bahasa Melindo

KUALA LUMPUR. — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah melantek 5 orang anggota untuk Panitia Bahasa Melayu — Indonesia.

Perlantikan Jawatankuasa 5 orang itu ada-lah "merupakan satu langkah" lagi dalam melaksanakan Fasal 6 dari Perjanjian di-antara Persekutuan Tanah Melayu dan Republik Indonesia."

Wakil2 dari Kerajaan Singapura akan di-undang untuk menghadiri perundingan2 Panitia Bahasa Melayu-Indonesia itu nanti, tetapi hanya sa-bagai Pemerhati sahaja.

Tugas terpenting Panitia tersebut ia-lah :

- ◆ Menyatukan ejaan ;
- ◆ Melaksanakan kerjasama di-bidang bahasa di-dalam jangka panjang ;
- ◆ Mengatorkan pertukaran bahan tentang bahasa dan kesuasasteraan ; dan
- ◆ menchari persetujuan atas soal2 pemakaian istilah.

Anggota2 Jawatankuasa itu ia-lah : Pendita Za'aba sa-laku Pengerusi ; Tuan Syed Nasir bin

PERATORAN2 MENGUASAI PARTI2

JAKARTA. — Kerajaan Indonesia telah mengeluarkan peraturan2 yang akan memberi kapada-nya kuasa untuk menguasai semua parti2 politik di-negeri itu.

Presiden Soekarno telah memberi notis dalam bulan January bahawa kerajaan akan berbuat demikian.

Di-bawah peratoran2 ini, sesabuai parti yang telah ditubuhkan pada 5 July 1959 tatkalanya Indonesia rujuk kapada perlembagaan revolusi tahun 1945 ada-lah di-haramkan.

Parti2 yang ahli-nya kurang dari 150,000 orang tidak diakui.

Parti2 yang diakui mesti-lah memberi tahu Presiden sa-belum akhir tahun ini akan undang2, jumlah ahli dan kedudukan umum mereka.

Bangsa2 asing tidak di-benarkan menjadi ahli sa-sabuai parti.

Semua parti mesti-lah mengakui sa-bagai asas dasar negara akan manifesto politik Presiden, perlembagaan tahun 1945, teori demokrasi berpandu Presiden, ekonomi berpandu, merhanism, rupa bangsa Indonesia dan Pancasila — lima dasar hidup bersama.

Sa-suatu parti itu akan di-haramkan jika ia menentang dasar2 kerajaan dan menganjorkan pemberontakan.

kuasa ini maka terbuka-lah jalan untuk kedatangan jawatankuasa pehak Indonesia ka-Kuala Lumpur.

Kedutaan Indonesia di-sini dijangka akan melaporkan kapada pehak yang berwajib di-Jakarta tentang perlantikan jawatankuasa tersebut.

Jawatankuasa Indonesia telah dua kali membatalkan kedatangan-nya ka-Malaya kerana sa-belum ini mereka tidak mengetahui taraf Jawatankuasa Bahasa Malaya sama ada telah rasmi atau tidak.

Sa orang dari anggota jawatankuasa Indonesia itu ia-lah Dr. Slametmulyana dari Fakultas Sastera Universiti Indonesia.

Ismail, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sa-bagai Naib Pengerusi; Inche Aminuddin bin Baki (dari Kementerian Pelajaran); Inche Kamaluddin (Keris Mas) Mohamed dan Inche Asraf bin Haji Abdul Wahab (dari Lembaga Tetap Kongres Bahasa).

Dengan perlantikan jawatan-

Filipina anjorkan Persatuan Negara2 Tenggara Asia

MANILA. — Presiden Carlos Garcia dari Filipina telah berkata bahawa negeri-nya dan Malaya akan menganjorkan pembentokan sa-buah persatuan negara2 Tenggara Asia yang akan memberi perhatian berat kapada mendirikan lengkungan kemaamoran Asia.

Tatkala memberi ucapan di-dalam satu rapat umum kerana menyambut hari kemerdekaan Filipina, Presiden itu berkata bahawa jika Asia mahu mendapat tempat yang ia-nya berhak di-dalam masyarakat bangsa2 dunia, maka ia mesti-lah menchapai persafahaman dalam tujuan2 dan tindakan2.

Beliau berkata bahawa lawan yang di-ranchangkan-nya ka-Malaya dalam tahun ini, ia-lah sa-bahagian dari ranchangan bersama Filipina-Malaya "untuk memberi semangat kapada susu-

nan bersama dalam bekerjasama yang akan meliputi semua negara2 tetangga yang berhampiran sa-kali".

Dasar ranchangan negara2 Asia ini, kata beliau, ia-lah mengadakan pertukaran2 pengalaman.

Tuan Garcia menambah kata bahawa sementara ra'ayat Filipino bekerja untuk menchapai perkembangan ekonomi dan kebajikan umum, mereka mesti-lah memberi perhatian juga kapada pertahanan2 dan menguatkan lagi benteng pertahanan mereka dari serangan dan penyusupan.

15 AHLI KONGSI GELAP DI-TAHAN

SINGAPURA. — Pasokan polis Singapura telah menahan 15 orang dalam tindakan melawan pencholean dalam minggu lepas. Beberapa orang lagi ada-lah dijangka akan ditangkap dalam beberapa hari akan datang.

Kesemua 15 orang itu telah ditahan di-bawah kuat kuasa undang2 jenayah (kuasa sementara) supaya dapat menjalankan peyiasatan ka-atas lima perkara pencholean yang berlaku dalam tahun ini.

Gerakan ini ia-lah satu daripada tindakan2 yang besar dan sa-habis di-rahasiakan yang pernah di-lakukan oleh Jabatan Penyiasatan Jenayah dari telah di-mula-kan lebeh dari sa-minggu dahulu.

Penangkapan ini telah di-lakukan sa-telah di-jalankan penyiasatan yang memakan masa berbulan2 di-bawah arahan Ketua Jabatan Penyiasatan Jenayah, Senior Assistant Commissioner, Tuan Chieh Teng Choeh.

Sa-ramai 15 orang yang di-shaki itu yang satengah2-nya mempunyai perhubungan dengan kongsi2 gelap, telah di-tangkap di-rumah2 mereka, di-jalan2 raya dan di-kedai2 kopi.

Apabila gerakan memburu ini tamat, jumlah orang2 yang di-tangkap harus akan lebeh dari 30 orang dan beberapa orang daripadanya akan di-daawa.

Tentera kepong kedutaan

JAKARTA. — Tentera2 Indonesia telah mengepong pejabat kedutaan China di-ibu kota ini. Mereka itu tidak memasoki kawasan kedutaan itu atau mengganggu orang2 yang lalu lintas di-situ.

Pintu gerbang kedutaan itu tetap terbuka.

Perhubungan antara Indonesia dengan China telah tegang semenjak Indonesia melarang pedagang2 China berniaga di-daerah2 luar bandar.

Satu pertemporan telah berlaku antara orang2 China dan tentera2 Indonesia pada 3 July ini di-Tjimahi sa-buah kampung di-Jawa Barat.

Dalam pertemporan itu dua orang perempuan China telah ditembak mati oleh askar2 Indonesia.

PENANAMAN PADI AJAIB DALAM PERCHUBAAN DI-PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR. — Sa-jenis benih padi ajaib yang boleh memberi hasil yang tinggi akan membantu Malaya dalam menchapai hasil pengeluaran beras-nya yang menchukupi dalam tahun 1965.

Pakar2 Jepun dan pegawai2 kementerian pertanian sedang menjalankan perchubaaan dengan benih ini.

Menteri Pertanian, Inche Abdul Aziz bin Ishak, yang telah berchakap darihal benih yang ajaib ini telah mengumumkan bahawa Malaya telah mendapati hasil yang baik dari penanaman padi.

Petani2 telah mendapat hasil sa-banyak 355 juta gantang padi ia-itu 10 peratus lebeh dari musim penanaman tahun 1957-58 yang telah menghasilkan jumlah yang tinggi sa-kali di-masa2 yang lepas.

Sekarang petani2 Malaya ada-lah mengeluarkan 69 peratus hasil beras yang di-kehendaki oleh negeri itu.

Tetapi chuma 933, 500 ekar sahaja padi2 yang telah di-tuai daripada jumlah 942,400 ekar tanah yang ditanam.

Ini menghasilkan sa-banyak 392 gantang jika di-pukul rata bagi tiap2 satu ekar atau hampir2 satu ton.